

Kapal Mongolia berlabuh di Johor dirampas

KOTA TINGGI – Tindakan enam lelaki Indonesia melabuhkan kapal tangki tanpa kebenaran mengundang padah apabila kesemuanya diberkas dalam kejadian di perairan Johor Timur kelmarin.

Kapal yang yang berdaftar di Ulan Bator, Mongolia berkenaan ditahan pada pukul 1.35 petang oleh kapal ronda Maritim Malaysia (APMM) yang sedang melaksanakan pemeriksaan Ops Benteng Laut 1/2020.

Timbalan Pengarah Operasi Zon Maritim Tanjung Sedili, Komander Maritim Tan Ah Bik berkata, kapal tangki tersebut dikesan sedang bersauh di kedudukan 1.8 kilometer dari Tanjung Siang.

“Pemeriksaan mendapati kapal tangki itu dikendalikan oleh

enam lelaki warga Indonesia berumur lingkungan 24 hingga 63 tahun.

“Kapal itu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 491B(1)(l) OPS 1952 kerana berlabuh tunggu tanpa pemakluman Pengarah Laut yang memperuntukkan hukuman denda RM100,000,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Sementara itu dalam kejadian berasingan, sebuah bot nelayan Indonesia ditahan ekoran cubaan memasuki perairan Malaysia secara haram pada pukul 3.02 petang di kedudukan 26 kilometer timur Tanjung Siang.


“Bot itu dikendalikan oleh dua kru warga Indonesia berumur 35 tahun dan 45 tahun dan siasatan akan dilakukan mengikut Akta Kastam 1967.

“Kes turut disiasat di bawah Seksyen 5 Akta Imigresen 1959 kerana cubaan memasuki Perairan Malaysia melalui pintu yang tidak diwartakan dan Akta Perikanan 1985 Seksyen 16(3) iaitu memasuki perairan Malaysia tanpa notifikasi,” katanya lagi.

Tambahnya, APMM akan terus mempertingkatkan kawalan keselamatan dan sentiasa mengambil tindakan sewajarnya demi memastikan kesejahteraan perairan negara khususnya Perairan Johor Timur daripada diceroboh.

Justeru itu katanya, pemilik kapal dinasihatkan supaya memohon kebenaran terlebih dahulu daripada Jabatan Laut Malaysia sebelum melabuhkan sauh bagi mengelakkan sebarang kesulitan.

KOSMO 21/9/2020 MS: 14



INILAH kapal tangki Mongolia yang dirampas Maritim Malaysia ketika berlabuh di perairan Johor Timur kelmarin.